



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH (*SUPERSCALE C*)
BAHAGIAN NILAI TEMPATAN SEKTOR TENAGA
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGARAH
BAHAGIAN NILAI TEMPATAN SEKTOR TENAGA
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Economics / International Relations / Kejuruteraan / Law / Pengurusan dan Pentadbiran / Political Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Tenaga dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
2. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus 'Program Pembangunan Eksekutif' di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI BAHAGIAN NILAI TEMPATAN SEKTOR TENAGA, JABATAN TENAGA

1. Mengetuai, mengurus dan mentadbir unit-unit di bawah Bahagian Nilai Tempatan Sektor Tenaga:
 - i. Unit Projek *Energy In-Country Value*;
 - ii. Unit Pematuhan; dan
 - iii. Unit Permit Kerja.
2. Mengemudi dan memberi sokongan kepada Peneraju Projek (*Project Lead*) di sektor minyak dan gas;
3. Menerajui strategi pembangunan nilai-nilai tempatan, tadbir urus dan memberikan kerjasama dan nilai tambah kepada mana-mana syarikat yang berkaitan dengan minyak dan gas;
4. Memastikan pencapaian sasaran strategi pengambilan anak-anak tempatan di sektor minyak dan gas; dan
5. Menilai Lesen Pekerja Asing serta menyemak dan memberikan sokongan untuk permit pekerja asing (Lesen Pekerja Asing (LPA) / *Special Authorization Work Pass (SAW)* / *Professional Visit Visa (PVV)*) bagi syarikat-syarikat di dalam sektor minyak dan gas bagi tujuan untuk memaksimumkan peluang pekerjaan tempatan.